

08 JUL 2004

KIMMA GESA TENGGU RAZALEIGH TIMBANG SEMULA HASRAT TANDING JAWATAN
TERTINGGI

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) hari ini menggesa Tengku Razaleigh Hamzah supaya menimbang semula hasratnya untuk bertanding merebut jawatan tertinggi dalam Umno dalam pemilihan parti September ini.

Setiausaha agungnya Ahmad Tajuddin Abdul Majid berkata langkah ketua penaja Umno Bahagian Gua Musang itu bukan saja boleh menggugat kestabilan Umno, tetapi turut menjejaskan "senario selesa" yang dinikmati negara sekarang.

"Bahkan, hasrat itu seolah-olah menidakkan kebijaksanaan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dalam memilih Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya," katanya kepada Bernama di sini.

Baru-baru ini, Tengku Razaleigh menzahirkan kesediaannya untuk bertanding jawatan tertinggi parti jika dicalonkan, walaupun Majlis Tertinggi Umno telah memutuskan agar jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak ditandingi pada perhimpunan agung kali ini.

Abdullah kini memangku jawatan Presiden dan timbalannya Datuk Seri Najib Tun Razak menjalankan tugas Timbalan Presiden.

Ahmad Tajuddin berkata gandingan Abdullah dan Najib harus diberikan ruang dan kesempatan ke arah mengukuhkan perpaduan bangsa agar ketuanan Melayu sentiasa terpelihara.

-- BERNAMA

AM MAI